

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

**YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah lagi dana bagi membiayai Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) selain daripada dana RM25 juta yang telah diperuntukan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dan anak muda; dan
- b) statistik bidang kerjaya dan latihan yang ditawarkan oleh SL1M sejak dilancarkan pada 2011 oleh Perdana Menteri untuk diisi oleh golongan yang tidak bekerja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang dilaksanakan Kerajaan ini bermatlamat untuk membantu graduan yang sukar mendapat pekerjaan selepas mereka tamat pengajian. Objektif pelaksanaan program ini untuk membantu graduan yang tidak bekerja dengan meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) dan keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan yang baik dalam pasaran tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti seterusnya meningkatkan taraf hidup keluarga mereka.

Program SL1M ini dijayakan melalui kerjasama dan komitmen daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat swasta seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sehingga kini, 230 syarikat GLCs dan swasta mengambil bahagian dan melaksanakan program SL1M bagi membuka lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan untuk ditawarkan kepada graduan.

Sejak ditubuhkan sehingga 30 September 2016, daripada 37,954 graduan yang menyertai program SL1M, seramai 27,454 (72.3%) graduan berjaya mendapat pekerjaan. Manakala 10,500 (27.7%) graduan masih lagi mengikuti program SL1M di syarikat yang terlibat.

Selain itu, SL1M juga turut menganjurkan Program Outreach SL1M atau *Search and Assist Program*. Program ini bertujuan untuk membimbing graduan dan meningkatkan *softskill* graduan. Sehingga 30 September 2016 seramai 56,949 graduan telah menyertai program ini.

Sekian, terima kasih.